

Raja Muda Berbasikal Lawat Lokasi Ribut
Bername
9 Apr, 2014

KANGAR, 9 April (Bernama) -- Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail membuktikan keprihatinan baginda terhadap mangsa-mangsa ribut di kawasan Guar Sanji dekat sini apabila berbasikal melawat mereka bagi kali kedua Rabu.

Kali pertama, baginda melawat lokasi kejadian ialah pada Khamis lalu iaitu sejurus selepas kejadian ribut yang merosakkan lebih 70 buah rumah penduduk di kawasan itu.

Menurut siaran media MAIPs, pada lawatan kali ini, baginda berbasikal bersama anggota dewan undangan negeri kawasan Guar Sanji, Jafperi Othman yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Perlis bagi bertemu para penduduk dan melihat kerja-kerja gotong royong membaiki rumah yang rosak.

Dalam kejadian pada petang Khamis lalu, kebanyakan rumah mengalami kerosakan pada bahagian bumbung apabila ribut melanda kawasan Guar Sanji.

Pada lawatan di bawah program MAIPs Peduli, baginda berbasikal dari Sekolah Kebangsaan Changkat Jawi sejauh lebih 10 km dan berakhir di lokasi yang sama.

Baginda adalah Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)

Sepanjang perjalanan berbasikal itu, baginda turut menziarahi empat penduduk daif di kampung Telaga Haji Latiff dan Padang Besar Guar Sanji untuk menghulurkan zakat MAIPs.

Setiap seorang menerima wang sebanyak RM400 dan barang keperluan dapur.

Sementara itu, MAIPS telah mengagihkan sumbangan berjumlah RM39,700 bagi membantu mangsa-mangsa ribut itu manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat menghulurkan bantuan sebanyak RM62,450.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029329>